


'Permohonan Muhyiddin gantung prosiding cubaan lengah perbicaraan'

Kuala Lumpur: Pihak pendakwaan menegaskan, tindakan Tan Sri Muhyiddin Yassin memohon supaya prosiding kes rasuah yang dihadapinya digantung sementara adalah satu percubaan untuk melengahkan perbicaraan.

Muhyiddin memohon perbicaraan kes itu digantung sementara bagi Mahkamah Rayuan memutuskan permohonannya untuk mendapatkan kebenaran prosiding semakan bagi mencabar keputusan mahkamah sama, yang mengarahkan kesnya dikembalikan ke Mahkamah Sesyen bagi tindakan lanjut.

Pada 28 Februari lalu, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan sebulat suara membenarkan permohonan pendakwaan untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi pada 15 Ogos tahun lalu, yang melepas dan membebaskan Muhyiddin daripada empat tuduhan kes salah guna kedudukan untuk suapan berjumlah RM232.5 juta bagi parti BERSATU.



Sementara itu, melalui affidavit balasan diikrarkan Timbalan Pendakwa Raya Xander Lim Wai Keong, menyatakan alasan dikemukakan Muhyiddin

bukan suatu keadaan luar biasa bagi mewajarkan prosiding perbicaraan kes itu digantung.

Wai Keong berkata, tiada alasan memaksa dan alasan kepentingan awam yang kuat dalam kes terbabit yang memerlukan supaya prosiding perbicaraan digantung, sementara menunggu permohonan kebenaran semakan didengar dan diputuskan Mahkamah Rayuan.

"Sebaliknya, permohonan ini satu langkah atau percubaan melengahkan kes ini didengar dan dibicarakan oleh mahkamah dengan memfailkan kebenaran semakan walaupun rayuan responden di Mahkamah Rayuan sudah diselesaikan pada 28 Februari lalu.

"Saya sesungguhnya menyatakan bahawa keputusan Mahkamah Rayuan itu adalah satu keputusan yang muktamad dan tidak boleh dirayu ke Mahkamah Persekutuan.

"Saya sesungguhnya menyatakan permohonan kebenaran semakan adalah satu permohonan remeh dan penyalahgunaan proses mahkamah kerana alasan dikemukakan tidak berasas serta tiada keadaan luar biasa untuk mewajarkan Mahkamah Rayuan

mengkaji semula keputusan yang sudah dibuat," katanya.

Melalui notis usul permohonan kebenaran bagi semakan itu, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh memohon mahkamah menyemak keputusan oleh panel diketuai Hakim Datuk Hadhariah Syed Ismail, bersama Datuk Azmi Ariffin dan Datuk SM Komathy Suppiah pada 28 Februari lalu.

Panel terbabit membenarkan rayuan pendakwaan dan keputusan Mahkamah Tinggi pada 15 Ogos tahun lalu, diketepikan.

Sehubungan itu, Muhyiddin yang juga bekas Perdana Menteri memohon untuk mengetepikan keseluruhan keputusan Mahkamah Rayuan dan mengembalikan perintah yang dibuat Mahkamah Tinggi yang melepas dan membebaskan beliau.

Muhyiddin menyatakan, keputusan Mahkamah Rayuan adalah tidak sah dan menyalahi undang-undang kerana ia dibuat tanpa bidang kuasa seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 50(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Muhyiddin, sebagai Perdana Menteri (ketika itu) dan Presiden BERSATU didakwa menggu-

nakan kedudukan beliau untuk suapan berjumlah RM232.5 juta berkaitan Projek Jana Wibawa daripada tiga syarikat iaitu Bukhary Equity Sdn Bhd, Nepturis Sdn Bhd dan Mamfor Sdn Bhd serta Datuk Azman Yusoff, bagi parti berkenaan.

Beliau didakwa melakukan perbuatan itu di Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya antara 1 Mac 2020 dan 20 Ogos 2021.

Muhyiddin turut berdepan dua tuduhan menerima wang hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM195 juta daripada Bukhary Equity Sdn Bhd yang dimasukkan ke akaun CIMB Bank milik BERSATU.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di CIMB Bank Cawangan Menara KL, Jalan Stesen Sentral, antara 25 Februari dan 16 Julai 2021 serta 8 Februari dan 8 Julai 2022.

Muhyiddin juga dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 13 Mac tahun lalu atas tuduhan menerima wang hasil aktiviti haram berjumlah RM5 juta dan kes itu dipindahkan ke Mahkamah Sesyen di sini untuk dibicarakan bersama.